

CNS1911

U GB 09-12 00171 BA843

bah

Mahathir - Pembedungan

PENGGUNA AKAN DIKENAKAN CAJ MENGIKUT SISTEM PEMBETUNG KEBANGSAAN

I

LANGKAWI, 9 Dis (Bernama) -- Pengguna akan dikenakan caj antara RM2 dan RM10 bagi setiap rumah bergantung kepada penggunaan air setiap bulan mengikut sistem pembedungan kebangsaan yang diswastakan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata mereka yang menggunakan lebih banyak air akan membayar lebih, tetapi caj itu adalah rendah dan akan dimasukkan dalam bil air.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani Perjanjian Konsesi antara Kerajaan dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd, yang menandakan penswastakan sistem pembedungan kebangsaan, Perdana Menteri berkata penduduk setinggian akan dikecualikan.

Perjanjian konsesi 28 tahun itu untuk meningkatkan, memperluaskan, mengendalikan dan menyenggara sistem pembedungan kebangsaan Malaysia membabitkan pelaburan modal sejumlah RM6,000 juta oleh Indah Water Konsortium.

Penswastakan sistem pembedungan itu akan membabitkan pemindahan tanggungjawab ke atas pembedungan daripada 143 penguasa tempatan, yang akan dilakukan secara terancang dan dijangka selesai dalam tempoh tiga tahun. -- Lagi.

▼09/12/16-55MST

U GB 09-12 00147 BA845

bah

Mahathir - Pembedungan 2 Langkawi

Ketika menjawab pertanyaan pemberita, Dr Mahathir berkata sistem pembedungan kebangsaan yang diswastakan itu akan menggunakan sistem modular rawatan air buangan, yang berbeza dan lebih murah daripada sistem sekarang.

Beliau berkata kira-kira 800 kakitangan yang kini terlibat dalam penyediaan perkhidmatan pembedungan di penguasa-penguasa tempatan akan ditawarkan pilihan menyertai Indah Water. Syarikat itu secara beransur akan mempunyai 2,000 pekerja.

Perdana Menteri berkata buat permulaan sistem itu akan dilaksanakan di Langkawi kerana kepentingannya sebagai pusat pelancongan.

Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Umar Abu dan Ketua Pengarah Kerajaan Tempatan, Lim Boh Ang mewakili Kerajaan menandatangani perjanjian konsesi itu manakala Indah Water diwakili oleh Pengerusi Eksekutifnya Datuk Ghazi Haji Ramli dan Pengarah Urusan, David Chew Keat Soon.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh juga hadir. -- Lagi.

▼09/12/17-04MST

bah

Mahathir - Pemetungan 3 (Akhir) Langkawi

Pada majlis itu, yang diadakan sempena LIMA '93 di sini, Ghazi berkata sistem pemetungan kebangsaan itu akan memberikan banyak manfaat kepada rakyat Malaysia. Ia selaras dengan wawasan menjadikan Malaysia negara maju sepenuhnya pada tahun 2000.

Beliau berkata kerja-kerja akan bermula pada Mac 1994 di lima kawasan keutamaan iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Langkawi, Port Dickson dan Labuan.

Sistem air buangan yang ada sekarang akan dipermodenkan dan diperluaskan manakala kelengkapan baru akan diadakan di kawasan-kawasan yang sekarang belum mempunyai kemudahan perawatan, katanya.

Menurutnya, kerja itu akan mengurangkan dengan banyaknya pencemaran sungai dan pencemaran air di pesisir pantai dan meningkatkan tahap kesihatan orang ramai.

Indah Water Konsortium Sdn Bhd, yang diperbadankan pada tahun 1991, ialah sebuah syarikat usahasama milik bersama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad, Berjaya Industrial Berhad, ATMS Worldwide (M) Sdn Bhd dan North West Water (Malaysia) Sdn Bhd. -- Bernama.

KHY OA NMO

▼09/12/17-24MST